

# Transformasi luar bandar pelengkap transformasi negara maju: Nasir

4B 13/11/2011 B7

**SEMPORNA:** Usaha mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara maju tidak akan lengkap jika perancangan transformasi tidak menitikberatkan kawasan luar bandar.

Meskipun begitu, membangun kawasan luar bandar pula bukannya suatu proses mudah kerana ianya melibatkan pembangunan fizikal dan persekitaran yang luas serta menghadapi cabaran yang sukar.

Namun dengan komitmen kerajaan yang berterusan, pembangunan luar bandar mampu digerakkan di mana transformasi pembangunan ini akan menjadi lebih mudah direalisasikan apabila aspek pemikiran manusia turut disasarkan sebagai salah satu mekanisme menggagahi segala rencana pembangunan fizikal yang dijalankan.

Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Dato' Sri Nasir Tun Sakaran menjelaskan aspek pemikiran manusia berhubungkait dengan pengupayaan minda dan minda yang cerdas berkeupayaan tinggi mampu membawa kepada pembangunan insan.

Katanya, pembangunan insan bermaksud menghasilkan individu atau sekumpulan individu yang mampu berusaha membangunkan kampung mereka sendiri dan berkebolehan memikirkan idea-idea yang baru dan praktikal serta menguntungkan.

Sesungguhnya, katanya, pembangunan fizikal akan menjadi mudah jika individu atau masyarakat setempat sering mengikuti perkembangan semasa yang berorientasikan keilmuan.

Sehubungan itu, sesebuah projek hanya akan berjaya dan berjalan lancar sekiranya wujud kesedaran dan disiplin yang tinggi dalam kalangan masyarakat itu sendiri.

Nasir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Senallang berkata demikian

ketika merasmikan majlis penutupan Program Perdana Majlis Kesukarelawanan Mahasiswa/Mahasiswi (Maskum) anjuran bersama Sekretariat KPT, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kolej Kediaman Kingfisher dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kampung Pokas.

Hadirsama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMS, ACP Kehormat Prof Madya Datuk Dr Kassim Hj Mansur; Timbalan Naib Canselor UPM merangkap Pengerusi Maskum IPTA, Prof Wan Mahzom Ahmad Shah, dan Dekan Pusat Penataran Ilmu & Bahasa UMS merangkap Penyelaras Maskum Semporna, Prof Madya Ismail Ali.

Program selama lima hari bermula 7 November dan disertai 60 mahasiswa/mahasiswi daripada UMS, Unimas serta UPM itu dilaksanakan di tiga buah kampung termasuk Kg Pulau Mabul, Kg Kabimbangan Pulau Bum-Bum dan Kg Pokas. Ia merupakan salah satu bentuk obligasi sosial pihak universiti dalam memacu taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.

Selain itu, ianya bertujuan

mengenalpasti dan melaksanakan program sosio ekonomi yang sesuai dengan sesebuah masyarakat di mana sejumlah dana diperuntukkan bagi menampung kos projek dengan keunikan program melibatkan penduduk dan mewajibkan penglibatan pelajar yang konsisten bersama masyarakat kampung yang terpilih.

Nasir berkata, kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan rakyat diberi perhatian utama, justeru program-program pembangunan telah diperkenalkan dan dilaksanakan sepanjang masa oleh pelbagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

Beliau menambah, menerusi penglibatan masyarakat pihak universiti berkeupayaan mendekati masyarakat luar bandar dengan dua objektif penting iaitu segala program yang dijalankan sedikit sebanyak memberi impak positif kepada sosio-ekonomi masyarakat dan pembangunan pelajar serta program yang dijalankan dapat mengetengahkan kewujudan universiti sebagai sebuah pusat pengajian ilmu.

Menurutnya, program yang dikelolakan oleh sesebuah universiti mampu mempromosi



(Gambar atas) MESRA PEMIMPIN... Nasir (dua kanan) diringi Prof. Madya Datuk Dr. Kassim (dua kanan) dan Panglima Jamaludin (kanan) bersalaman dengan sebahagian penduduk Kampung Pulau Mabul, Semporna.

(Gambar kiri) BANTUAN SEKOLAH... Prof. Wan Mahzom (dua kiri) disaksikan Prof. Madya Datuk Dr. Kassim (dua kanan) dan Prof. Madya Ismail Ali (kiri) menyampaikan bantuan kepada Guru Besar SK Pokas, Hajah Jamilah (kanan) sempena majlis Penutupan program itu.

dan mewujudkan kesedaran kepada masyarakat luar bandar mengenai pentingnya golongan ibubapa memberi dorongan kepada anak-anak mereka supaya bercita-cita tinggi mendapatkan ilmu sehingga ke peringkat menara gading.

"Kita yakin program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh pihak universiti ini akan mampu merealisasikan usaha kerajaan menangani jurang ilmu yang luas antara masyarakat bandar dan luar bandar," katanya.

Nasir berkata, berdasarkan teori 'layman' yang bermaksud seseorang memiliki kemahiran melakukan sesuatu kerja disebabkan kekerapan melakukannya sejak sekian lama seperti projek ternakan ikan dalam sangkar dan



UNJAM LAUT DALAM ... Nasir (tengah) disaksikan Prof. Madya Datuk Dr. Kassim (lima kiri); Prof. Madya Ismail Ali (empat kiri); Tahir Amir (tiga kiri) dan sebahagian penduduk dan mahasiswa memotong pita sempena melancar rasmi Pembuangan Payao (Unjam laut dalam) di kawasan laut pulau Mabul sempena program Perdana Maskum di Semporna.

masyarakat nelayan tempatan tidak begitu memerlukan bimbingan kerana telah mewarisi kemahiran sejak berzaman.

Namun teori itu (layman) tidak semestinya relevan lagi apabila mengambil kira arus kemajuan teknologi yang rancak berkembang di mana kepesatan teknologi dan kajian berterusan dilakukan oleh pihak universiti telah memungkinkan pelbagai penemuan baru yang akan meningkatkan nilai produk.

Ujarnya, dengan penemuan-penemuan baru pihak universiti melalui pusat-pusat kajian marin, mereka mempunyai maklumat yang boleh dikongsikan bersama dalam meningkatkan lagi kemajuan perusahaan yang dijalankan.

Sehubungan itu, Nasir memuji usaha pihak universiti yang begitu komited menganjurkan program untuk membantu masyarakat luar bandar dan berharap usaha seumpama itu akan berterusan

bagi memacu pembangunan rakyat seiring dengan hasrat kerajaan yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Sempena majlis itu juga, Nasir melancarkan pemasangan dua buah Payao (unjam laut dalam) di kawasan lautan Pulau Mabul-Sipadan untuk kemudahan kaum nelayan, beramah mesra dengan penduduk pulau Mabul dan menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta Maskum IPTA di Kg Pokas.



KENANGAN MASKUM... Nasir (enam kiri); Prof. Madya Datuk Dr. Kassim (enam kanan); Prof. Wan Mahzom (lima kiri); Prof. Madya Ismail Ali (kiri) dan sebahagian pemimpin tempatan mengabadikan gambar kenangan sempena Program Perdana Maskum.